

# Kutip kotak, tin bantu tampung persekolahan adik

SINAR HARIAN (SENTRAL)

27 JUN 2015 m/s 38

**KUANTAN** - Rutin remaja Muhammad Syahrul Rostam setiap malam adalah berlegar-legar di sekitar Jaya Gading di sini, mencari kotak dan tin kosong bersama-sama adiknya Muhammad Nazirul Shafik.

Muhammad Syahrul, 17, akan menghulurkan kotak atau tin yang dijumpai kepada adiknya Muhammad Nazirul Shafik, 9, untuk dimasukkan ke dalam plastik bagi memudahkan dibawa pulang ke rumah mereka di Perumahan Rakyat Termiskin di Jaya Gading.

Sebagai anak sulung, Muhammad Syahrul 'memilih' untuk berhenti sekolah pada usia 14 tahun, bagi membantu ibunya Sharifah Noraini Syed Yaman Aziz, 35, mencari rezeki bagi memastikan adik-adiknya dapat terus menimba ilmu.

"Selepas berhenti sekolah, saya bekerja di pusat mencuci kereta dengan upah RM30 sehari. Sekarang saya mencari dan menjual kotak dan tin kosong. Jika bernasib baik, saya boleh bawa pulang RM20 sehari.

"Tetapi, jika diberikan peluang, tentu saya mahu sambung belajar... sekurang-kurangnya mengambil Sijil



**Muhamad Syahrul (tengah) menerima sumbangan daripada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam program Jejak Asnaf Fakir Miskin di kediamannya di Perumahan Rakyat Termiskin Jaya Gading, kelmarin.**

Pelajaran Malaysia (SPM) supaya dapat ke kelas kemahiran untuk menjadi mekanik," katanya di sini, kelmarin.

Muhammad Syahrul ditemui pada program Jejak Asnaf Fakir Miskin anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang hadir ke rumahnya untuk menyampaikan bantuan makanan dan barang keperluan.

'Aksi' dua beradik itu menyelongkar tong sampah bagi mencari rezeki pernah dimuat naik di Facebook dan mendapat 1,865 'likes.'

Selain Muhammad Nazirul Shafik, tiga lagi adik Muhammad Syahrul ialah Siti Fatimah, 16, Siti Shafikah, 14, Muhammad Khairul, 11.

Muhammad Syahrul berkata ayahnya Rostam Ahmad, 37, meninggal dunia pada 2012.

Bercerita tentang persiapan raya, Siti Fatimah yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mahkota di sini, berkata perkara itu bukan keutamaan kerana tidak mahu membebankan ibu. - Bernama